940/1 STPM 2021

SEJARAH DUNIA

KERTAS 1

(DUA JAM)

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

MODUL KHAS
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab EMPAT soalan sahaja.
Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].
Kertas soalan ini mengandungi 80 markah.

*Jawab **EMPAT** soalan sahaja.*

1. Huraikan faktor ekonomi dan sosial yang mendorong kemunculan masyarakat industry di Jerman pada abad ke-18 dan 19 Masihi. [20 markah]

2. Bincangkan strategi yang diambil oleh Otto Von Bismarck untuk menyatukan masyarakat Jerman selepas tahun 1871. [20 markah]

3. Sejauhmanakah kemajuan sektor perindustrian mendorong perkembangan ekonomi kapitalisme di England pada abad ke -18 dan 19? [20 markah]

4. Bincangkan faktor-faktor yang mendorong perkembangan kegiatan perdagangan di Belanda pada abad ke-16 hingga 18 Masihi. [20 markah]

5. Perang Dingin telah memberi impak terhadap politik Rusia dan Amerika Syarikat. Bincangkan**.** [20 markah]

6. Jelaskan kepentingan penubuhan NATO dari sudut keselamatan dan ketenteraan. [20 markah]

Soalan 1: Huraikan faktor ekonomi dan sosial yang mendorong kemunculan masyarakat industri di Jerman pada abad ke-18 dan 19 Masihi.

Pendahuluan

1. Masyarakat industri merujuk kepada masyarakat yang terlibat dalam bidang perindustrian
2. Menjelang abad ke-18 hingga abad ke-19, tercetus revolusi yang dikenali sebagai Revolusi Perindustrian di Jerman.
3. Revolusi Perindustrian menyebabkan Jerman mengalami perubahan daripada negara pertanian kepada negara berasaskan perindustrian.
4. Revolusi ini menyebabkan jentera digunakan secara meluas dalam sektor perkilangan.
5. Perkembangan ini juga menyebabkan berlakunya peningkatan dalam pengeluaran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat.
6. Perkembangan sosial dan ekonomi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat industri di Jerman.

Isi- isi utama

A. Ekonomi

1. Kemajuan Pertanian

- Kemajuan dalam bidang pertanian meletakkan asas bagi pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.
- Selepas penyatuan Jerman, sektor pertanian mula mengalami kemajuan dan berkembang dengan pesat melalui penerbitan karya mengenai teknologi pertanian seperti *Introduction to the Knowledge of English Agriculture- Principle of Rational Agriculture* pada tahun 1789 oleh Albrecht Thaer. Justus von Liebig menjalankan kajian tentang penggunaan kimia bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.
- Penggunaan teknologi moden dan kaedah saintifik telah menyebabkan berlaku peningkatan dalam pengeluaran hasil pertanian.
- Kerajaan turut memberi sumbangan dalam memajukan bidang pertanian melalui penubuhan sekolah pertanian dan universiti.
- Institusi ini telah menjalankan kajian dalam bidang pertanian dan menawarkan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang pertanian.
- Sebelum Perang Dunia Pertama terdapat lebih kurang 2000 buah sekolah pertanian di seluruh Jerman. Antara 1905 hingga 1912, Jerman mendahului negara-negara lain dalam pengeluaran hasil pertanian.
- Tuntasnya, kemajuan dalam bidang pertanian ini telah meletakkan asas bagi kelahiran masyarakat industri di Jerman.

2. Penubuhan koperasi

- Koperasi memainkan peranan dalam perkembangan sektor perindustrian di Jerman dengan memberikan bantuan kewangan kepada penduduk untuk melibatkan diri dalam perindustrian.
- Kesatuan kredit juga ditubuhkan di seluruh Jerman bagi meransang pertumbuhan sektor perindustrian dan memberi bantuan kewangan kepada penduduk bandar seperti Kesatuan Kredit Schulze Delitzsch. Menjelang tahun 1911, terdapat lebih kurang 25000 buah kesatuan kredit di seluruh Jerman.
- Institusi koperasi dan kesatuan kredit memainkan peranan dalam pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.

3. Kekayaan Bahan Mentah

- Perkembangan sektor perindustrian di Jerman juga disebabkan oleh kekayaan sumber bahan mentahnya seperti arang batu, bijih besi, dan bijih timah.

- Kawasan perlombongan arang batu dan bijih besi yang terkenal di Jerman ialah lembah Ruhr, Lorainne dan Silesia. Sumber galian ini merupakan sumber utama dalam menggerakkan sektor perindustrian di Jerman. Pada tahun 1875, Jerman mengeluarkan 25 juta tan arang batu dan telah meningkat kepada 287 juta tan pada tahun 1913.
- Pada tahun 1872, Jerman telah mengeksport bekalan bijih besi bernilai 1.92 juta tan ke negara Eropah. Menjelang tahun 1910, pengeluaran bijih besi mencecah sehingga 14.7 juta tan.
- Di samping itu, bahan kimia seperti garam kalium ditemui dalam kuantiti yang besar di Jerman.Menjelang tahun 1871, Jerman menghasilkan 375000 tan garam kalium dan meningkat kepada 3.5 juta tan pada tahun 1901.
- Antara tahun 1863 hingga 1865, seramai 120 000 orang bekerja dalam industri perlombongan di Jerman dan meningkat kepada 570 000 orang pada tahun 1906.
- Jelaslah bahawa kemunculan masyarakat industri dipengaruhi oleh sumber-sumber bahan mentahnya.

4. Penubuhan Kartel

- Kartel adalah sebuah persatuan yang berperanan untuk menyelaras pengurusan industri di Jerman seperti mengawal bekalan dan harga barangan bagi menjamin keuntungan. Anggota kartel akan mengadakan perjanjian bagi menentukan harga barangan yang dipasarkan.
- Pertubuhan ini memainkan peranan penting dalam mengawal pasaran dan kewangan industri Jerman.

5. Kemunculan Bank

- Kemunculan institusi perbankan memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan sektor perindustrian di Jerman. Kerajaan menubuhkan bank dengan menyediakan pinjaman jangka panjang bagi meransang pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman.
- Menjelang pertengahan abad ke-19 Joint Stock Bank ditubuhkan di Jerman dengan memberi bantuan modal kepada pengusaha-pengusaha industri.
- Sistem perbankan di Jerman dikawal oleh gabungan empat buah bank utama yang terdiri daripada Disconta Geseilsehaft of Stuttgart (1851), Deutsche Bank (1870), Darmstadter Bank (1870), dan Dresdener Bank (1872).
- Bank-bank ini berperanan menggalakkan penggabungan perniagaan, memberi bantuan modal kepada pengusaha industri, menggalakkan pertumbuhan industri perlombongan, dan membangunkan sistem pengangkutan darat dan laut.
- Jelaslah penubuhan bank-bank ini menjadi faktor kemunculan masyarakat industri di Jerman.

B. Sosial

1. Kemajuan Dalam Bidang Penyelidikan

- Kemajuan dalam bidang penyelidikan meransang pertumbuhan sektor perindustrian di Jerman. Banyak makmal penyelidikan telah dibina oleh syarikat kimia dan elektrik di Jerman bagi membolehkan ahli-ahli kimia dan fizik menjalankan kajian dan penyelidikan.
- Penyelidikan ini telah menyebabkan Jerman berjaya mencipta pelbagai peralatan dan inovasi baharu. Perkembangan ini telah menyebabkan Jerman muncul sebagai pemimpin dunia dalam industri kimia dan elektrik pada akhir abad ke-19.

2. Penghijrahan Penduduk ke Bandar

- Penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke bandar membantu perkembangan sektor perindustrian di Jerman. Sebelum penyatuan Jerman, tiga perempat daripada penduduk Jerman tinggal menetap di luar bandar.

- Institusi perbankan telah ditubuhkan di negara Belanda pada awal abad ke-17 Masihi. Kemunculan institusi perbankan merangsang pertumbuhan sektor perdagangan di Belanda.
- Institusi-institusi perbankan ini menyediakan kemudahan pinjaman dan menyediakan modal bagi pedagang. Institusi ini juga bertanggungjawab menyelaraskan pinjaman wang dan memperkenalkan sistem pembayaran melalui cek.
- Contohnya pada 1609, sebuah institusi pertukaran mata wang yang dikenali sebagai Wisselbank telah ditubuhkan di Amsterdam. Kemunculan institusi perbankan ini juga turut mengambil alih peranan yang dimainkan oleh pengurup wang dan peminjam wang persendirian.
- Tuntasnya, bantuan modal yang disediakan oleh bank-bank ini membantu perkembangan perdagangan di Belanda.

5. Penggunaan mata wang

- Sehingga akhir abad ke-17, tidak terdapat keseragaman dalam penggunaan mata wang di Belanda. setiap daerah dan provinsi memiliki mata wang masing-masing.
- Namun demikian, wilayah-wilayah seperti Hoorn, Medemblik dan Enkhuizen, mempunyai mata wang yang standard. Pengeluaran mata wang di wilayah-wilayah tersebut berada di bawah pengawasan pemerintah. Mata wang kebangsaan yang mempunyai nilai yang berbeza telah disebarkan untuk digunakan oleh orang ramai.
- Di samping itu, mata wang *Pound Flemish, Ducatoon*, dan *Dollar Rix* digunakan juga digunakan dalam urus niaga. Beberapa mata wang Sepanyol dan Jerman juga digunakan secara meluas di belanda.
- Penggunaan mata wang yang seragam menyebabkan kegiatan perdagangan dapat dijalankan dengan sistematik dan teratur.

Kesimpulan

- Kebijaksanaan mengatasi pelbagai kekurangan yang ada telah membawa kepada perkembangan aktiviti perdagangan di Belanda pada abad ke-16 hingga 18 Masihi.
- Perkembangan ini turut menyebabkan Belanda muncul sebagai kuasa perdagangan di Eropah menggantikan peranan yang dimainkan oleh Portugal dan Sepanyol.

Soalan 5 : Perang Dingin telah memberi impak terhadap politik Rusia dan Amerika Syarikat. Bincangkan.

Pendahuluan

- Perang Dingin merujuk kepada keadaan tegang yang wujud antara Amerika Syarikat dan Soviet Union. Bibit-bibit awal permulaan Perang Dingin dapat dikesan ketika Perang dunia Kedua sedang berlangsung.
- Hubungan semakin tegang antara Amerika Syarikat, Soviet Union dan Britain ketika Persidangan Yalta pada Februari 1945 dan Persidangan Potsdam pada Ogos 1945 yang diadakan bagi menentukan hala tuju negara-negara Eropah Timur selepas perang tamat.
- Perang Dingin bermula secara rasmi apabila Presiden Harry Truman mengisytiharkan Doktrin Truman pada tahun 1947.
- Perang Dingin yang berlanjutan hingga 1980-an telah meninggalkan kesan yang amat mendalan terhadap politik antarabangsa terutama kepada Rusia dan Amerika Syarikat.

Isi-Isi Penting

a) Kemunculan Perikatan Tentera (Amerika Syarikat)

- Selepas Perang Dunia Kedua, Soviet Union muncul sebagai kuasa militer yang paling kuat. Soviet Union berjaya menguasai satu kawasan yang luas dengan penduduk lebih daripada tiga million orang.

- Awal penubuhannya, ia disertai oleh 12 buah negara dan mempunyai organisasi yang tetap dan ibu pejabat yang tetap di Brussels.

- Matlamat penubuhan sememangnya berkait rapat dengan keselamatan dan ketenteraan Blok Barat yang diketuai oleh British.

Isi- isi utama

Kepentingan NATO dari segi keselamatan dan ketenteraan

1. Menghalang kebangkitan Jerman
   - Merupakan rancangan strategik British yang berhasrat membendung kebangkitan Jerman sebagaimana Perang Dunia Kedua
   - Mendapat sokongan padu daripada imperialis lain seperti Perancis, Belanda, dan Belgium serta bertambah mantap dengan sokongan Amerika Syarikat

2. Menarik penyertaan Amerika Syarikat
   - Penyertaan Amerika Syarikat akan menambahkan kekuatan dan pengaruh NATO.
   - Hubungan dijalinkan antara Britain dgn Amerika bagi mengukuhkan pakatan.
   - Penyertaan Amerika Syarikat perlu bagi mengelak kegagalan Liga Bangsa disebabkan ketiadaan Amerika Syarikat.

3. Mengekang ideologi komunis
   - Ideologi ini bertentangan dgn ideologi negara Blok Barat yang mendokong fahaman demokrasi
   - Penularan ideologi ini bermakna Rusia akan berpengaruh, maka suatu pertubuhan diperlukan bagi mengekang kemaraan Rusia melalui ideologi yang disebarkannya
   - Malah ini dapat membantu Amerika Syarikat yang menghadapi Perang Dingin dengan Rusia

4. Membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
   - PBB bukanlah sebuah pertubuhan berbentuk ketenteraan, maka bagi memastikan keselamatan dan keamanan, Blok Barat berpendapat perlukan sebuah pakatan tentera bagi menangani ancaman ketenteraan dan persenjataan
   - Penubuhan NATO diharapkan dapat memberikan perlindungan khususnya kepada negara Blok Barat yang memiliki tanah jajahan yang kaya dengan sumber ekonomi dan strategik dari segi politik
   - Kegagalan yang dilalui oleh PBB sebelum ini menjadikan Eropah Barat bimbang dengan keupayaan PBB menangani isu-isu keselamatan dunia

Kesimpulan

- Sememangnya penubuhan NATO lebih bermatlamatkan politik khususnya bagi Blok Barat yang diketuai oleh British tatkala berhadapan dengan Blok Timur yang didominasi oleh Rusia.
- Penyertaan Amerika Syarikat memberikan kekuatan kepada dari segi fizikal dan psikologi kepada NATO

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta